

ASPIRASI FPP

EDISI 1, 2025

ISSN 2735-0525

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

<https://nsembilan.uitm.edu.my>

CABARAN

RAKAN SEKERJA

TOKSIK

KESAN BRICS
KEPADA EKONOMI
DUNIA

MENGUASAI DUNIA COKLAT:
KEJAYAAN PENGUSAHA
CHOCODAP'S

MENILAI KESAN
PENGUNAAN AI
TERHADAP
PEMBANGUNAN
INTELEKTUAL
PELAJAR
UNIVERSITI



AKTIVITI FAKULTI

DISEDIAKAN OLEH:

TENGGU SHARIFELEANI RATUL MAKNU TENGGU SULAIMAN SHARIFADDIN



Bacaan Yaasin dan Mesyuarat Fakulti Pengurusan dan Perniagaan.

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan menyingkap tirai baru untuk tahun 2025, mengambil keberkatan dengan bacaan Yaasin bagi mendoakan keselamatan dan kesejahteraan ahli dan fakulti. Bacaan Yaasin diketuai oleh Ustaz Puuad Osman, Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam) UiTM Kampus Seremban. Mesyuarat Fakulti diadakan pada tarikh yang sama iaitu 3 Januari 2025 bagi membincangkan KPI Fakulti, aktiviti-aktiviti serta strategi untuk sepanjang tahun 2025. Semoga tahun 2025 membawa kejayaan, kecemerlangan serta keberkatan untuk Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban.



Kolaborasi Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pagi, Senawang

Ini merupakan kunjungan kedua Fakulti Pengurusan dan Perniagaan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pagi, Senawang bagi menjalankan aktiviti yang telah dirancang. Program ini juga merupakan program jalinan kemasyarakatan dalam menyumbang kepakaran pensyarah-pensyarah FPP UiTM Kampus Seremban bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar SMK Seri Pagi dalam mencapai kecemerlangan untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2025.



Kunjungan kali ini jatuh pada bulan Ramadan di mana pihak fakulti mengambil peluang untuk turut berinfaq Ramadan dan memberi sumbangan duit raya kepada pelajar-pelajar. Semoga agihan iftar untuk berbuka dan sumbangan duit raya dapat menggembirakan pelajar-pelajar.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban

Hari Raya Aidil Fitri tahun ini jatuh pada 31 Mac 2025. Jamuan sambutan Hari Raya Aidil Fitri telah diadakan pada 18 April 2025, di Bilik pPrbincangan FSKM, UiTM Kampus Seremban. Majlis ringkas penuh bermakna dan meriah ini disambut oleh semua warga FPP UiTM Kampus Seremban bertemakan “Warna-warni Aidil Fitri”.

Sambutan Aidil Fitri seterusnya telah diadakan di Kelana Resort pada 20 April 2025. Majlis ini dihadiri oleh seluruh warga FPP, sekali gus mengeratkan ukhuwah dan mengukuhkan silaturahim sesama warga FPP, UiTM Kampus Seremban.



Program Bersama Universitas Sebelas Maret dan Ma'ahad A'ly Menara
Qur'an, Karanganyar di Solo, Indonesia
24 April hingga 30 April 2025



**Syarahan Tamu Di Universitas Sebelas Maret (UNS) Dan University
Corporate Social Responsibility (UCSR) bersama Ma'ahad A'ly Menara
Qur'an, Karanganyar di Solo, Indonesia**

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban berjaya menjalankan aktiviti bagi mencapai objektif MoA yang telah dimeterai bersama Universitas Sebelas Maret dan juga menjalankan University Corporate Social Responsibility (UCSR) bersama Ma'ahad A'ly Menara Qur'an, Karanganyar di Solo, Indonesia pada 25 hingga 30 April 2025.

Aktiviti berkumpul yang memberi penekanan kepada aspek keusahawanan, motivasi dan kerjasama bersama 30 pelajar perempuan Pasentren Ma'ahad A'ly Menara Qur'an telah mendapat sambutan yang baik serta amat disenangi oleh pihak pasentren.

Sesi syarahan tamu dan perbincangan kajian telah berlangsung dari 28 hingga 30 April 2025, melibatkan enam pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban. Sepanjang program tersebut, para pensyarah turut berpeluang menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar Ijazah Sarjana Muda (S2) di Universitas Sebelas Maret.



Graduan Pertama Ijazah Kedoktoran Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Alhamdulillah dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **Dr. Che Nurul Huda**, graduan ***Ijazah Kedoktoran (PhD)*** sulung UiTM Cawangan Negeri Sembilan merangkap graduan ***Ijazah Kedoktoran (PhD) pertama*** Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban. Beliau turut menerima **Anugerah Penyelidikan Cemerlang** atas pencapaian gemilang tersebut. Tahniah juga diucapkan kepada para penyelia hebat, **Prof. Madya Dr. Nurazilah Zainal** dan **Dr. Hajah Jamilah Mohd Mahyideen** dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Seremban yang membimbing beliau hingga berjaya. *Dr. Che Nurul Huda di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Nurazilah Zainal dan Dr. Hajah Jamilah Mohd Mahyideen berjaya menyiapkan tesis Ijazah Kedoktoran beliau dalam masa 3 tahun dan berjaya dianugerahkan sebagai graduan “Graduate on Time (GOT)”.*



“Workshop Journey to Publish” oleh Dr. Zahari Md Rodzi



Ahli Jawatankuasa Latihan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban telah berjaya menganjurkan dua sesi “**Workshop Journey to Publish**” sebagai inisiatif untuk membantu meningkatkan kualiti penulisan dan penerbitan jurnal dalam kalangan warga akademik FPP UiTM Kampus Seremban. Workshop ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan yang berpengalaman luas dalam penerbitan bertaraf Q1 dan Scopus, iaitu **Dr. Zahari Md Rodzi**.



Sesi pertama telah berlangsung pada 15 Mei 2025, diikuti dengan sesi kedua pada 23 Mei 2025. Setiap sesi dirancang dengan agenda yang terperinci dan sistematik bagi memastikan objektif utama program tercapai. Program ini bukan sahaja memberi pendedahan berguna berkaitan strategi penerbitan berimpak tinggi, malah turut memberi keyakinan dan motivasi kepada para pensyarah untuk terus berkarya di peringkat antarabangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Latihan atas usaha murni ini. Diharapkan penganjuran bengkel seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkasakan budaya penulisan ilmiah dalam kalangan warga FPP UiTM Kampus Seremban bagi mencapai KPI Fakulti dan UiTM.